

KES-KES TERTANGGUH  
DI MAHKAMAH SYARIAH PAHANG:  
MASALAH DAN PENYELESAIANNYA

**AMINUDDIN BIN AWANG DERANI**

LATIHAN ILMIAH INI DIKEMUKAKAN ADALAH  
UNTUK MEMENUHI SEBAHAGIAN DARIPADA  
SYARAT MEMPEROLEHI  
DIPLOMA UNDANG-UNDANG DAN PENTADBIRAN KEHAKIMAN ISLAM  
**DAIJ**


KULLIYAH UNDANG-UNDANG  
UNIVERSITI ISLAM ANTARABANGSA MALAYSIA  
PETALING JAYA

SESSI 1993/94

## PENGAKUAN

Saya mengakui bahawa karya saya ini adalah hasil nukilan saya sendiri. Kecuali nukilan-nukilan dan ringkasan yang tiap-tiap satunya telah saya jelaskan sumbernya.

20 hb. Mei 1994

  
.....  
AMINUDDIN BIN AWANG DERANI  
G 9211046

## بِسْمِ اللّٰهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِیْمِ

### PENGHARGAAN

Syukur kehadiran Yang Maha Esa atas hidayah dan inayah yang dianugerahkan, kertas projek ini dapat disempurnakan pada waktunya.

Penulis ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Tan Sri Prof. Syed Agil Barakbah, selaku penyelia kepada penulisan kertas projek ini atas dorongan, tunjuk ajar dan bimbingan yang telah diberikan sepanjang usaha menyempurnakan penulisan kertas projek ini dilaksanakan. Kepada semua guru, pensyarah terutama Prof. Tan Sri Dato' Ahmad Ibrahim, Prof. Dato' Dr. Mahmud Saedon Awang Othman, Ustaz Mohamed Bakar dan lain-lain lagi, yang selama ini telah mendidik penulis dengan tekun dan gigih. Tiada kata-kata yang mampu penulis ucapkan di atas segala ilmu-ilmu yang telah dicurahkan selama penulis berada di kampus ini. Penulis berdoa semoga Allah memberkati segala usaha mereka dan menganugerahkan ganjaran yang selayaknya.

Kepada semua yang terlibat, seperti En. Zulkifly bin Mohd dan En. Mohd Mahayudin bin Mohd Hashim yang banyak membantu menyempurnakan penulisan ini. Begitu juga penulis ucapkan berbanyak-banyak penghargaan terima kasih kepada Jabatan

Agam Islam Pahang terutama di Unit Pendakwaan dan Penyelidikan, Dato' Hj. Sulaiman bin Mohamad, Kadi Besar Pahang, Ustaz Syed Ahmad Syed Abd. Rahman, Kadi Daerah Lipis, Ustaz Hj. Abdullah Hadi Mahmud, Kadi Daerah Raub, Ustaz Hj. Abd. Wahid bin Mohd Ali, Kadi Daerah Jerantut, Pejabat-pejabat Kadi terlibat, Perpustakaan Universiti Malaya, Perpustakaan Universiti Islam, Petaling Jaya dan Pusat Islam, di atas segala sumbangan, kerjasama dan maklumbalas yang diberikan untuk menjayakan proses kertas projek ini.

Semoga penulisan ini dapat memberi manfaat kepada semua pihak.

Sekian, wassalam

AMINUDDIN BIN AWANG DERANI  
No. 80 Kg. Chegar Perah,  
27200 Kuala Lipis,  
Pahang Darul Makmur.

20 hb. Mei 1994

## SINOPSIS

DALAM PENULISAN INI PENULIS CUBA MENGHURAIKAN SERBA SEDIKIT TENTANG PENUBUHAN STRUKTUR DAN BIDANGKUASA MAHKAMAH SYARIAH DI MALAYSIA DAN DI PAHANG KHUSUSNYA. JUGA MENGHURAIKAN SERBA SEDIKIT KESALAHAN-KESALHAN SIVIL SEPERTIMANA YANG TELAH DIPERUNTUKKAN DALAM UNDANG-UNDANG ISLAM PAHANG DAN SEBAB-SEBAB TERJADINYA PENANGGUHAN KES-KES DI MAHKAMAH SYARIAH PAHANG DAN CARA PENYELESAIANNYA.

# DAFTAR ISI KANDUNGAN

<b>BAB PERTAMA : PENDAHULUAN</b>	<b>1-5</b>
1.1 Latarbelakang Kajian.	
1.2 Bidang Kajian.	
1.3 Objektif Kajian.	
1.4 Method Kajian.	
1.5 Masalah Kajian.	
<b>BAB KEDUA : PENGENALAN MAHKAMAH SYARIAH ;     PENUBUHAN, STRUKTUR DAN BIDANGKUASA.</b>	<b>6-21</b>
2.1 Penubuhan Mahkamah Syariah Di Malaysia.	
2.2 Kedudukan Mahkamah Syariah & Bidangkuasa dalam Perlembagaan.	
2.3 Penubuhan Mahkamah Syariah Di Pahang : Penubuhan, Struktur & Bidangkuasa.	
<b>BAB KETIGA : KESALAHAN-KESALAH JENAYAH &amp; SIVIL     DI MAHKAMAH SYARIAH.</b>	<b>21-69</b>
3.1 Pendahuluan.	
3.2 Istilah dan Takrif Kesalahan Jenayah.	
3.3 Jenis-Jenis Kesalahan dan Hukumannya Menurut Enakmen.	
3.4 Contoh Kes Jenayah.	
3.5 Istilah dan Takrif Kesalahan Sivil.	
3.6 Enakmen PUI dan ARM Pahang (1982).	
3.7 UKIP (1987) Pindaan & Pemansuhan Enakmen (1982).	
3.8 Peruntukan Perkara Sivil Menurut UKIP (1987).	
3.9 Contoh Kes Sivil Di Mahkamah Syariah.	

**BAB KEEMPAT : KES-KES TERTANGGUH JENAYAH & SIVIL B1-C8  
DI MAHKAMAH SYARIAH.**

**4.1 Pendahuluan.**

Bilangan Kes-kes Tertanggung Di Mahkamah Syariah.

**4.2 Jumlah Kes-kes Tertanggung.**

**4.3 Jumlah Kes-kes Tertanggung Sivil.**

**4.4 Sebab-sebab Berlaku Kes-kes Tertanggung.**

**BAB KELIMA : SARANAN DAN PENUTUP.  
C20**

**C9-**

**5.1 Pendahuluan.**

**5.2 Rumusan dan Ulasan.**

**5.3 Saranan Penulis.**

**5.4 Penutup.**

## SENARAI KES

<p>PENDAKWA LWN HJ. OTHMAN ( JH (1987),V. Bhg. 11,377. )</p>
<p>PENDAKWA MAHKAMAH SYARIAH LWN SHAH PANDAK OTHMAN ( JH (1991),VII Bhg 1,99 )</p>
<p>PENDAKWA LWN MOHD ZULKIFLY BIN KASSIM Kes No. 004/92 MRSL</p>
<p>PEMBANTU HAL EHWAL ISLAM LWN MOHAMAD NOR BIN OMAR JH (1990) VII Bhg 1,86</p>
<p>PENDAKWA SYARIE PAHANG LWN V.V. ABOO A/L AHAMMU JH (1991),VII Bhg.11,216</p>
<p>HASYIM BIN KAMARUDDIN LWN NORAINI BT MAT TAHIR Kes No. 039/93 MRSL</p>
<p>NGAH DEMUN SARJOH LWN SHARIPAH HJ ALI Kes No. 017/94 MRSI</p>
<p>RAJA NORASYIKIN RAJA ABDUL AZIZ LWN NIK MAT BIN NIK KOB Kes No. 006/9 MRSL</p>



SENARALSINGKATAN E. JA

BIL	BILANGAN
CET	CETAKAN
Dr.	DOKTOR
H	HIJRAH
HLM	HALAMAN
Ibid	DI TEMPAT YANG SAMA
Jil	JILID
Terj	TERJEMAHAN
Vol	VOLUME
YM	YANG MENUNTUT
YTK	YANG KENA TUNTUT
UKIP	Undang2 Keluarga Islam Pahang
EPUI&ARMP	Enakmen Pentadbiran Ugama Islam dan Adat Resam Melayu Pahang

# BAB PERTAMA

## PENDAHULUAN

### 1.1 LATAR BELAKANG KAJIAN

Kehakiman adalah sebuah institusi yang amat penting di dalam sesebuah negara untuk menegakkan keadilan. Dalam hubungan ini, Islam menghendaki keadilan ditegakkan tanpa mengira warna kulit, agama, kerabat, saudara mara malahan diri sendiri.

Firman Allah Taala :

“ Sesungguhnya Allah S.W.T. menyuruh kamu supaya menyerahkan segala jenis amanah kepada ahlinya ( yang berhak menerimanya ) dan apabila kamu menjalankan hukum di atas manusia, Allah S.W.T. menyuruh kamu menghukum dengan adilnya “ . *An-Nisa : 58.*

Firman Allah S.W.T. bermaksud :

“ Sesungguhnya Allah S.W.T. menyuruh berlaku adil dan berbuat kebaikan serta memberi bantuan kepada kaum kerabat dan melarang daripada perbuatan-perbuatan keji dan mungkar serta kezaliman. Ia mengajar kamu ( dengan suruhan dan larangannya ini ) supaya kamu mengambil peringatan untuk mematuhiNya “.

*An-Nahl : 90.*

Sepanjang menjalani kehidupan seharian, manusia sering mengalami perubahan sekeliling. Oleh itu, masalah sering timbul dari semasa ke semasa. Sebagai mengatasi beberapa masalah yang timbul berkaitan dengan kepentingan manusia, beberapa peraturan dan pengemasan sistem perundangan turut menerima kesan perubahan dalam mentadbir hubungan kekeluargaan Islam yang harmoni.

Rentetan dari perubahan persekitaran dan tindak-tanduk manusia yang semakin moden, maka Mahkamah Syariah turut bertukar wajah dengan pemodenan dan penambahan bidangkuasanya. Peruntukan-peruntukan yang ada untuk bertujuan mentadbir dan menyusun pentadbiran nampak lebih kemas dan lebih berwibawa.

Oleh itu dalam kertas projek ini, penulis cuba mendalami dan mengkaji masalah **Kes-kes Tertanggung Mahkamah Syariah** dari beberapa aspek. Masalah ini menjadi satu gejala yang yang dipandang remeh oleh masyarakat

bawahan dan juga golongan atasan. Penulis cuba membawa konsep asal Mahkamah Syariah untuk menegakkan keadilan.

## 1.2 BIDANG KAJIAN

Kajian di dalam kertas projek ini adalah termasuk di dalam peruntukan Undang-undang Pentadbiran Agama Islam dan Adat Resam Melayu Pahang. Dengan mengambil kira kepada aspek bidang kuasa Jenayah dan bidang kuasa Sivil, tentang pelaksanaan dan penyelesaian di Mahkamah Syariah Pahang. Objek utama untuk penekanan sepanjang kajian ini ialah mengenal pasti struktur dan organisasi di Mahkamah Syariah Pahang serta bagaimana cara mengatasi masalah kes-kes tertangguh.

## 1.2 OBJEKTIF KAJIAN

Kertas projek ini bertujuan mengkaji serta mengetahui dengan lebih dekat lagi tentang penubuhan, struktur, organisasi, bidang kuasa serta bagaimana menyelesaikan kes-kes tertangguh.

Penulis juga ingin mengetahui dan mengkaji keseluruhan pentadbiran yang bersangkutan dengan undang-undang Islam Pahang.

kajian juga dibuat untuk mengetahui dan memahami setakat mana ianya benar-benar berfungsi sebagai badan perundangan.

Sebagai anggota masyarakat, penulis juga cuba mengetahui tahap kesedaran dan kesilapan masyarakat bertindakbalas terhadap hak mereka di bawah peuntukan Enakmen Undang-undang Keluarga Islam Pahang.

#### 1.4 METHOD KAJIAN

Sepanjang kajian ini dibuat, beberapa kaedah penyelidikan yang sesuai telah digunakan untuk mendapatkan data dan maklumat. Method kajian yang digunakan adalah berbagai-bagai mengikut keadaan tertentu

Antara Kaedah penyelidikan yang digunakan ialah kajian perpustakaan, dokumentasi dan temubual. Teknik kajian ini, telah penulis jalankan serentak supaya memudahkan bahan-bahan kajian diperolehi tanpa mengira masa dan tempat.

Method kajian perpustakaan dan dokumentasi digunakan untuk mendapatkan teori dan data mentah, sumber perolehan seperti Perpustakaan UIA, UM dan Pusat Islam banyak membantu perolehan bahan dan data. Temubual dengan pihak-pihak yang berkenaan khususnya yang terbabit dengan tajuk kertas projek ini pula digunakan, melibatkan Pusat Islam, Jabatan Agama Islam Pahang dan Pejabat-pejabat Kadhi Daerah.

#### 1.5 MASALAH PENYELIDIKAN

Masalah utama yang penulis hadapi disepanjang usaha menyempurnakan penyelidikan ialah masalah berhadapan dengan banyak data yang tidak kemaskini sehingga banyak mengganggu kelancaran penyelidikan ini. Perkara ini berlaku terutamanya semasa proses pengumpulan data tentang penubuhan Mahkamah Syariah Pahang yang kekurangan bahan sejarah.

Keterbatasan kemampuan secara peribadi dalam berbagai aspek termasuk kelemahan penulis sedikit sebanyak mengganggu kelancaran kajian ini. Tambahan pula kesibukan Penyelia penulis dengan kuliahnya serta kesukaran untuk membuat temujanji dengan pihak-pihak tertentu memperlahan kertas ini dihasilkan. Walau bagaimanapun dengan bimbingan dan bantuan yang penulis perolehi daripada penyelia, membolehkan masalah tersebut di atasi. Hasilnya penulis juga dapat cuba turut memperkemaskan kertas ini dengan menetapkan perbincangan mana yang perlu diperberatkan dan perkecilkan skopnya.

## BAB KEDUA

### MAHKAMAH SYARIAH : PENUBUHAN, STRUKTUR DAN BIDANGKUASA.

Pada peringkat sebelum kedatangan penjajah barat, undang-undang Islam telah menjadi undang-undang dasar negara. Ianya telah dilaksana dan ditadbirkan dengan baik. Pada masa itu, tidak timbul yang Mahkamah Kadhi disempitkan bidangkuasanya dan undang-undang Islam dihadkan pemakaiannya hanya mengenai undang-undang keluarga Islam yang melibatkan orang-orang Islam sahaja. Tetapi dengan kedatangan penjajah barat, keadaan ini sedikit demi sedikit telah berubah dan akhirnya Mahkamah Kadhi hanya berada di pinggiran sahaja. (1)

Pada peringkat permulaan, pengaruh British di negara ini, Mahkamah Syariah (Mahkamah Kadi) adalah berada dalam satu sistem kehakiman negara. Keadaan ini lebih jelas sepertimana yang di peruntukkan dan Court Ordinance 1946, akan tetapi bidangkuasa yang diberikan kepada Mahkamah Kadi hanyalah mengenai perkara yang berkaitan dengan agama Islam, perkahwinan dan penceraian. Kadi dan Naib Kadi ketika itu dilantik oleh sultan, akan tetapi surat 'kuasa' ditandatangani bersama sultan dan residen di negeri berkenaan. Kedudukan mereka telah diabaikan dan tidak diberi pengiktirifan dan taraf yang sewajarnya. Begitu juga dengan kedudukan bangunan mahkamah dan kakitangannya. Kebiasaannya sebuah bilik diberikan kepada kadi yang berkenaan. Ianya hanya menempatkan seorang kerani untuk mengendalikan

segala urusan pentadbiran. Mahkamah Kadi mula dipisahkan apabila Courts Ordinance 1946 diluluskan. (2)

## 2.2 KEDUDUKAN MAHKAMAH SYARIAH DAN BIDANGKUASA DALAM PERLEMBAGAAN.

Penubuhan Mahkamah Syariah adalah berdasarkan peruntukan Enakmen Pentadbiran Hukum Syara' bagi negeri seperti Undang-undang Pentadbiran Agama Islam 1952 bagi Negeri Selangor Darul Ehsan, Undang-undang Pentadbiran Agama Islam 1955 bagi Negeri Terengganu Darul Iman, Undang-undang Pentadbiran Agama Islam 1956 bagi Negeri Pahang Darul Makmur, Undang-undang Pentadbiran Agama Islam bagi Negeri Pulau Pinang dan Negeri Melaka, 1960 bagi Negeri Sembilan, 1962 bagi Negeri Kedah Darul Aman dan 1965 bagi Negeri Perak.

Penubuhan kewujudan dan bidangkuasa Mahkamah Syariah telah diiktiraf dan dihormati secara jelas oleh Perlembagaan Persekutuan ( Pindaan ) 1988 ( Akta A 707 ) Perkara 121 ( 1 ) dan ( 1A ).

Perkara 121 Perlembagaan Persekutuan adalah seperti berikut :-

*121 - Kuasa kehakiman bagi Persekutuan.*



(1) Maka hendaklah ada dua Mahkamah Tinggi yang selaras bidangkuasa dan tarafnya, iaitu,

(a) Satu di Negeri-negeri Tanah Melayu, yang dinamakan Mahkamah Tinggi di Malaya dan yang mempunyai ibu pejabat pendaftarannya di Kuala Lumpur; dan

(b) Satu di Negeri-negeri Sabah dan Sarawak, yang dinamakan Mahkamah Tinggi di Borneo dan yang mempunyai ibu pejabat pendaftarannya di mana-mana tempat di Negeri-negeri Sabah dan Sarawak, sebagaimana yang ditetapkan oleh Yang Di Pertuan Agong;

dan mana-mana mahkamah bawahan sebagaimana yang diperuntukkan oleh undang-undang Persekutuan; dan Mahkamah Tinggi dan mahkamah bawahan hendaklah mempunyai apa-apa bidangkuasa dan kuasa sebagaimana yang diberikan oleh atau di bawah undang-undang Persekutuan.

(1A) Mahkamah-mahkamah yang disebutkan dalam fasal (1) tidaklah boleh mempunyai bidangkuasa berkenaan dengan apa-apa perkara dalam bidangkuasa Mahkamah Syariah.

(2) Maka hendaklah ada satu Mahkamah Agong dan yang mempunyai ibu pejabat pendaftarannya di Kuala Lumpur, dan Mahkamah Agong hendaklah mempunyai bidangkuasa yang berikut, iaitu :-

(a) bidangkuasa tersendiri bagi memutuskan rayuan-rayuan terhadap keputusan Mahkamah Tinggi atau keputusan-keputusan seorang Hakimnya (

kecuali keputusan-keputusan Mahkamah Tinggi yang diberi oleh Pendaftar atau lain-lain pegawai mahkamah itu dan yang boleh dirayukan kepada seorang Hakim mahkamah itu di bawah undang-undang Persekutuan;

(b) apa-apa bidangkuasa asal atau bidangkuasa menasihat sebagaimana dinyatakan dalam Perkara 129 dan 130; dan

(c) apa-apa bidangkuasa lain sebagaimana diberikan oleh atau di bawah undang-undang Persekutuan. (3)

Bidangkuasa Mahkamah Syariah ialah mengenai perkara-perkara yang disebut dalam perenggan 1 kepada Jadual ke 9 Senarai 2 Perlembagaan Persekutuan ini ialah Hukum Syara' dan undang-undang diri dan keluarga bagi orang yang menganut agama Islam termasuk Hukum Syara' berhubung dengan mewarisi harta berwasiat dan tak berwasiat, pertunangan, perkahwinan, perceraian, mas kahwin, nafkah, pengambilan anak angkat, pemberian, pembahagian harta dan amanah bukan khairat, wakaf serta pentadbiran mengenai amanah dan khairat agama, perlantikan pemegang-pemegang amanah dan perbadanan bagi orang-orang mengenai pemberian agama Islam dan khairat dan Yayasan khairat yang dijalankan kesemuanya sekali dalm negeri, adat istiadat melayu, zakat fitrah dan Baitul Mal atau hasil agama Islam yang seumpamanya; masjid atau mana-mana tempat sembahyang awam untuk orang Islam yang seumpamanya; kesalahan-kesalahan yang dilakukan oleh orang-orang yang menganut agama Islam terhadap rukun-rukun Islam kecuali mengenai rukun-rukun yang termasuk dalam senarai Persekutuan; Pertubuhan, organisasi dan prosedur mahkamah-mahkamah syariah, yang akan mempunyai bidangkuasa hanya ke atas orang-orang yang menganut agama Islam dan hanya mengenai mana-mana

perkara yang termasuk perenggan ini, tetapi tidak mempunyai bidangkuasa mengenai kesalahan-kesalahan kecuali setakat yang diberi oleh undang-undang persekutuan; mengawal pengembangan i'tikad dan kepercayaan antara orang-orang yang menganut agama Islam, menentukan perkara-perkara hukum Syara' dan i'tikad dan adat istiadat Melayu. (4)

Bidangkuasa Mahkamah Syariah hanya ke atas orang-orang yang menganut agama Islam. Oleh itu Mahkamah Syariah tidak mempunyai bidangkuasa apabila mana-mana pihak yang terlibat bukan orang Islam. Umpamanya di dalam kes hak jagaan anak apabila ibu anak itu orang Islam akan tetapi bapanya bapanya seorang Islam. Kes itu boleh di bawa ke mahkamah sivil, dan diputuskan disitu. Di dalam Akta Membaharui Undang-undang ( Perkahwinan dan Perceraian ), mahkamah sivil diberi kuasa memberi perceraian apabila satu pihak kepada perkahwinan bukan secara Islam telah menganuti dan pihak yang tidak ikut itu memeluk agama Islam membuat permohonan kepada mahkamah itu. (5)

Pada masa sekarang bidangkuasa jenayah Mahkamah Syariah ialah sangat terbatas. Mengikut Perlembagaan Mahkamah Syariah adalah mempunyai bidangkuas mengenai kesalahan-kesalahan setakat yang diberi oleh undang-undang persekutuan. Mengikut Muslim Courts ( Criminal Jurisdiction ) Act, 1965, Mahkamah Syariah hanya diberi kuasa mengani kesalahan yang boleh dihukum dengan penjara tidak lebih enam bulan atau denda tidak lebih \$1000.00 atau kedua-duanya. Bidangkuasa itu telah ditambah pada tahun 1984 dengan pindaan kepada akta itu dan Mahkamah Syariah diberi bidangkuasa mengenai kesalahan yang boleh dihukum dengan penjara tidak lebih tiga tahun

atau denda tidak lebih \$5,000.00 atau sebat tidak lebih enam sebat atau gabungan hukuman itu. Bidangkuasa ini lebih rendah dari bidangkuasa Magistret Kelas 1 yang biasanya boleh membicarakan kes yang boleh dihukum dengan penjara sepuluh tahun dan boleh menjatuhkan hukuman lima tahun penjara atau denda \$10,000.00 atau sebat dua belas pukulan atau gabungannya. (6)

### **2.3 MAHKAMAH SYARIAH PAHANG : PENUBUHAN, STRUKTUR DAN BIDANGKUASA.**

Penubuhan Mahkamah Syariah adalah berdasarkan peruntukan Enakmen Pentadbiran Undang-undang Islam ( Pindaan ) 3/1991. Dalam Enakmen telah menyatakan bahawa :- (7)

( 42 ). Ke Bawah Duli Yang Maha Mulia Sultan atas nasihat majlis boleh melalui pemberitahuan dalam Warta menubuhkan Mahkamah Randah Syariah dan Mahkamah Rayuan Syariah bagi negeri Pahang pada tempat yang difikirkan sesuai dan boleh menetapkan sempadan tempatan bidangkuasa mahkamah itu.

Walaupun Syeksen ( 42 ) enakmen itu memperuntukkan penubuhan Mahkamah Syariah, tetapi sumber bidangkuasanya ditentukan oleh Perlembagaan sebagai undang-undang utama ( lihat Perlembagaan Persekutuan ) dan juga menentukan hukuman ( jenayah ) oleh Parlimen. (8)

## STRUKTUR MAHKAMAH SYARIAH PAHANG DAN BIDANGKUASANYA.

Susunan Mahkamah Syariah Pahang adalah seperti berikut :-

- (a) *Mahkamah Rendah Syariah.*
- (b) *Mahkamah Tinggi Syariah.*
- (c) *Mahkamah Rayuan Syariah.*

(a) **Perlantikan Hakim Mahkamah Rendah Syariah dan Bidangkuasa.**  
Enakmen Pentadbiran Undang-undang Islam 1991 telah menjelaskan perlantikan Hakim-hakim Mahkamah Rendah Syariah. <sup>(9)</sup>

(1).45 Hakim Mahkamah Rendah Syariah hendaklah dilantik oleh Ke Bawah Duli Yang Maha Mulia Sultan atas perakuan Ketua Hakim Syarie.

(2).45 Tiada seorangpun boleh dilantik menjadi Hakim Mahkamah Rendah Syariah kecuali dia adalah seorang anggota Perkhidmatan Pegawai Syariah Negeri Pahang atau Perkhidmatan Awam.

(3).45 Semua perlantikan di bawah subsyeksen (1) hendaklah disiarkan dalam Warta.

### ***Bidang Kuasa Mahkamah Rendah Syariah.***

Enakmen Pentadbiran Undang-undang Islam Pahang 1991 telah memperuntukkan bidangkuasa Mahkamah Rendah Syariah. <sup>(10)</sup>

48. (1) Mahkamah Rendah Syariah hendaklah mempunyai bidangkuasa di dalam sempadan tempatan bidangkuasa yang diberikan kepadanya dan hendaklah diketuai oleh seorang Hakim Mahkamah Rendah Syariah.

(2) Mahkamah Rendah Syariah hendaklah -

(a) dalam bidangkuasa jenayah, membicarakan apa-apa kesalahan yang dilakukan oleh seorang Islam di bawah Enakmen ini atau di bawah undang-undang bertulis yang memberi kepada Mahkamah syariah bidangkuasa untuk membicarakan apa-apa kesalahan yang mana hukuman maksimum yang diperuntukkan tidak melebihi tiga ribu ringgit atau penjara bagi tempoh yang tidak melebihi dua tahun atau kedua-duanya; dan

(b) dalam bidangkuasa mal, mendengar dan memutuskan semua tindakan dan prosiding yang Mahkamah Rendah Syariah dibenarkan mendengar dan memutuskan dalam mana jumlah atau nilai hal perkara yang dipertikaikan tidak melebihi seratus ribu ringgit atau yang tidak dapat dianggarkan dengan wang.

(3) Ke bawah Duli yang Maha Mulia Sultan boleh dari masa ke masa melalui pemberitahuan dalam Warta meluaskan bidangkuasa Mahkamah Rendah Syariah.

Dalam membuat rayuan ke Mahkamah Tinggi, Enakmen Pentadbiran Undang-undang Islam Pahang 1991, telah memperuntukkan .<sup>(11)</sup>

49. Sesuatu rayuan hendaklah dibawa kepada Mahkamah Tinggi syariah daripada keputusan Mahkamah rendah Syariah -

(a) dalam bidangkuasa jenayah, oleh pendakwa atau orang yang telah sabit kesalahan, dan rayuan ini bolehlah terhadap pembebasan, sabitan atau hukuman atau mana-mana satu daripada yang tersebut itu;

(b) dalam bidang mal -

(i) oleh mana-mana orang terkilan dengan keputusan itu, jika jumlah yang dituntut tidak kurang daripada lima ratus ringgit;

(ii) dalam semua kes yang melibatkan apa-apa keputusan mengenai status peribadi, oleh mana-mana orang terkilan dengan keputusan itu;

(iii) dalam semua kes yang berkaitan dengan nafkah tanggungan, oleh mana-mana orang terkilan dengan keputusan itu;

Dengan syarat bahawa tiada suatupun rayuan boleh dibuat terhadap keputusan yang telah dibuat dengan persetujuan; dan

( c ) dalam kes-kes lain, jika Mahkamah Tinggi Syariah memberi kebenaran untuk merayu.

( 2 ) Dalam mana-mana rayuan. Mahkamah Tinggi Syariah boleh :-

( a ) dalam perkara jenayah, menolak rayuan sabitan atau hukuman perayu, memerintahkan mahkamah yang yang membicarakan kes itu

memanggil pembelaan atau membuat siasatn lanjut, menambah atau meminda bentuk hukuman itu, memerintahkan perbicaraan semula, atau meminda, atau membatlkan perintah Mahkamah yang membicarakan kes itu; dan

( b ) dalam perkara mal, mengesahkan, membatalkan atau mengubah keputusan mahkamah yang membicarakan kes itu, menjalankan mana-mana kuasa sebagaimana Mahkamah yang membicarakan boleh menjalankan, membuat perintah yang sepatutnya membuat atau memerintahkan perbicaraan semula.

50. (1) Sesuatu permohonan untuk merayu atau permohonan untuk kebenaran merayu dibawah subseksyen ( 1 ) (c) seksyen 49 hendaklah dibuat kepada Mahkamah Tinggi Syariah mengikut cara yang ditetapkan dalam tempoh empat belas hari dari tarikh hukuman, perintah atau keputusan yang berhubung dengannya permohonan itu dibuat.

(2) Mahkamah Tinggi Syariah semasa mendengar mana-mana permohonan untuk merayu atau untuk kebenaran merayu boleh atas alasan yang tertentu melanjutkan masa untuk merayu, walaupun masanya telah tamat.

**(b) Perlantikan hakim dan Bidangkuasa Mahkamah Tinggi Syariah.**

Perlantikan hakim telah diperuntukkan dalam Enakmen Pentadbiran Undang-undang Islam pahang 1991.<sup>(12)</sup>